

LAWATAN KERJA PANGLIMA WILAYAH UDARA 2 KE SKN 330 TUDM, CRC KOTA SAMARAHAN

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4801-lawatan-kerja-panglima-wilayah-udara-2-ke-skn-330-tudm-crc-kota-samarahan

KUCHING, 10 Apr 19 - Panglima Wilayah Udara 2, Mej Jen Dato' Hj Yazid bin Arshad TUDM telah membuat Lawatan Kerja ke Skn 330, CRC Kota Samarahan.

Lawatan ini merupakan satu program semasa Pemeriksaan Tahunan Mawilud 2 ke Pangkalan Udara Kuching dan Skn 330. Beliau diberikan taklimat berkenaan status pengoperasian semasa CRC Kota Samarahan dan Komplek Radar Gunung Ngili oleh Pegawai Memerintah Skn 330, Lt Kol Roslee bin Shukor TUDM.

Turut mengiringi beliau Komander Pangkalan Udara Kuching, Brig Jen Masro bin Kaliwon TUDM, Ketua Staf MAWILUD 2 dan Tim Pemeriksa.

